

16/06/2003

'Kebimbangan Dr M bukti ikhlas jaga perpaduan Umno'

Veena Rusli; Ahmad Ghazali Musa; Faiza Zainudin

KUALA LUMPUR: Pemimpin Umno menyifatkan kebimbangan Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad mengenai kemungkinan berlaku perebutan jawatan kanan parti selepas

persaraannya Oktober ini, sebagai ikhlas demi memelihara perpaduan Umno.

Sehubungan itu, beberapa pemimpin yang mengulas perkara itu, berikrar untuk mengekalkan perpaduan dan memastikan perjuangan Umno membela nasib rakyat dapat diteruskan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang juga Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, turut berjanji tidak akan mencabar calon Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno yang menjadi pilihan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila mengambil alih kepimpinan negara.

"Jawatan (timbangan presiden parti) dipilih menerusi proses demokrasi dalam parti. Ia adalah jawatan penting kerana secara tradisi sesiapa yang

terpilih memegang jawatan itu, akan menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Pada pandangan saya, jawatan itu tidak sewajarnya dipertandingkan untuk kebaikan parti, sekali gus kestabilan dan perpaduan dalam parti dapat terus dipertahankan.

"Ia tidaklah bermakna kita menolak proses demokrasi.

"Apa yang penting dan hakikatnya ialah Perdana Menteri yang akan memilih mereka memegang jawatan itu, sudah mengambil kira bahawa dia dapat membantunya dari segi politik dan melaksanakan kerja dalam kerajaan," katanya selepas menghadiri Konvensyen Umno Johor di Johor Bahru, semalam.

Muhyiddin berpendapat Umno sewajarnya memulakan tradisi baru, iaitu sesiapa yang dipilih memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri tidak dicabar untuk memegang jawatan Timbalan Presiden Umno.

Dalam wawancara dengan sebuah akhbar, Dr Mahathir antara lain melahirkan

kebimbangan terhadap kemungkinan berlaku perebutan jawatan Timbalan Presiden parti selepas beliau bersara Oktober ini.

Presiden Umno itu berkata perebutan jawatan kanan parti, terutama jawatan nombor dua pada pemilihan tahun depan, boleh menyebabkan pergolakan dalam Umno. Dr Mahathir bagaimanapun yakin Abdullah tidak akan dicabar bagi jawatan Presiden.

Menteri Pertahanan yang juga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, bagaimanapun dijangka membuat kenyataan berhubung isu itu hari ini. Perkara itu dinyatakan Setiausaha Akhbarinya, Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, pula berkata Perdana Menteri memberi nasihat itu bagi mengelak keadaan yang boleh melemahkan parti.

"Beliau mengingatkan kita supaya tidak mengulangi sejarah hitam 1987 apabila perebutan jawatan Presiden parti menyebabkan ahli berpecah hingga wujud kem tertentu dalam Umno.

"Ini bukan kali pertama beliau memberi nasihat supaya kita mengutamakan perpaduan. Jadi ahli Umno wajar menerima peringatan itu secara serius.

"Apa-apa pertandingan bagi sesuatu jawatan dalam parti mestilah berlangsung dalam suasana kekeluargaan, tanpa perlu wujud perpecahan," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, menyifatkan kenyataan Dr Mahathir itu sebagai nasihat bapa kepada anaknya.

"Ahli Umno mesti mengelak daripada masalah dalaman parti. Tumpuan kita ialah untuk menentang pembangkang dan ia hanya dapat dilakukan jika kita bersatu," katanya.

Ketua Puteri Umno, Azalina Othman Said, berkata gembar-gembur mengenai pengisian jawatan kanan dalam parti sudah lama kedengaran di kalangan ahli walaupun pemilihan parti akan berlangsung tahun depan.

"Tumpuan utama kita ialah untuk menghadapi pilihan raya umum, bukannya persediaan pemilihan parti. Apa guna kita memegang jawatan penting jika kita gagal mengekalkan pemerintahan pada pilihan raya umum akan datang?" katanya.

Di ALOR STAR, Menteri Besar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata orang Melayu perlu terus bersatu padu bagi memperkuatkan Umno demi kepentingan masa depan bangsa, agama dan negara.

"Sejarah membuktikan Umno mempunyai kekuatan tersendiri dan ahli perlu mengukuhkan perpaduan demi memastikan kesinambungan parti terpelihara," katanya.